

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**MAKLUM BALAS KPM BERKAITAN
PENGAMBILAN MURID ANTARABANGSA
DI SEKOLAH MENENGAH PERSENDIRIAN CINA (SMPC)**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian laporan media mengenai isu yang dibangkitkan berkaitan pengambilan murid antarabangsa di Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC).

Bahagian Pendidikan Swasta, KPM telah menerima sebanyak 25 permohonan kemasukan murid antarabangsa dalam tempoh Jun hingga Ogos 2023.

KPM ingin memaklumkan bahawa tiada sebarang surat penolakan dikeluarkan bagi mana-mana permohonan yang telah dibuat dalam tempoh berkenaan.

Kesemua permohonan yang diterima berada dalam penilitian dan pihak sekolah terlibat telah dimaklumkan mengenainya.

Penelitian menyeluruh perlu dilakukan kerana ia melibatkan Dasar Pengoperasian SMPC yang sedang dalam proses semakan.

Selaras dengan hasrat menjadikan negara sebagai hab pendidikan antarabangsa, KPM sentiasa mengalu-alukan kemasukan murid antarabangsa dan dalam masa yang sama bertanggungjawab memastikan setiap prosedur yang ditetapkan dipatuhi.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
16 SEPTEMBER 2023**